

Headline	Isteri Cat Farish peguam		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	12 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	138,805
Page No	G3	Readership	1,048,000
Language	Malay	ArticleSize	343 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 11,612
Frequency	Daily	PR Value	RM 34,837



**Tengok** foto ini... Cantik dan glamor isteri penyanyi, pelakon dan komposer terkenal, Cat Farish, 40, yang menggayakan serban.

Namanya Hartini Datuk Ramly, 31, seorang peguam lulusan Ijazah Undang-Undang dari Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam, Selangor.

Cat atau nama sebenarnya Farish Ramli berkahwin dengan Hartini pada 13 Julai 2007 di Bandar Baru Bangi, Selangor.

Kini mereka mempunyai tiga orang anak iaitu Nia Karlyssa, 6, Eva Latheefa, 4 dan Qul Iskandar, 3.

Menurut Cat, isterinya bertugas di Bahagian Undang-Undang Antarabangsa, Jabatan Peguam Negara, Putrajaya. Kelas gitu!

#### Isteri didik anak dengan sempurna

Kata Cat: "Saya sayang isteri saya. Walaupun kami sibuk bekerja dan ada pembantu rumah, tetapi isteri saya didik anak dengan sempurna. Beliau meminati fesyen."

Kumpulannya The Fabulous Cat akan merakamkan album baharu pada Ramadan depan.

Sementara itu, kumpulan Tiga Swagger di bawah asuhan Cat sudah muncul dengan *single* hip-hop rancak yang lucu dan menarik berjudul *Opst! Aku Ter...* ciptaan Cat.

Antara liriknya ada menyebut: "Tergoda, ternoda, terkena dan terjiwa..."

Lagu ini menampilkan

artis popular Zizan Razak dan Echa (Aishah AF7).

Cat juga menampilkan penyanyi duet Hana Rose (Eka & Isya) menerusi *single* ciptaannya berjudul *Girlfriend* berirama pop rancak.

Cat mengendalikan Studio 747 di Bandar Baru Bangi untuk rakaman lagu dan kelas bimbingan nyanyian, tarian, berlakon dan DJ.

**JUWIE:** Selamat berjaya Cat yang berbakat kreatif dan serba-boleh.

# Isteri Cat Farish peguam



Cat Farish di samping isterinya.